

Asean Akan Terus Sumbang Ke Arah Kesejahteraan Serantau, Global
Bernama
8 Ogos, 2012
Oleh Ahmad Fuad Yahya

JAKARTA, 8 Ogos (Bernama) -- Asean menyambut ulang tahun ke-45 penubuhannya Rabu dengan mesej bahawa kejayaan wawasan dan misinya akan terus menyumbang ke arah kesejahteraan, kestabilan dan kemakmuran komuniti serantau dan global.

Sempena sambutan itu, Sekretariat Asean di sini mengadakan upacara menaikkan bendera yang turut menyaksikan pelepasan 45 belon merah, biru dan kuning iaitu warna Asean, manakala kanak-kanak yang menghadirinya mengibarkan bendera daripada 10 negara anggota pertubuhan itu.

Dalam kenyataan Rabu, Sekretariat Asean berkata pada majlis itu, Menteri Luar Indonesia Marty Natalegawa menegaskan keyakinan beliau tentang keberkesanan peranan Asean di peringkat serantau dan global.

Setiausaha agung Asean Dr Surin Pitsuwan pula menyebut tentang persahabatan erat dan tidak ternilai harganya antara Asean dan semua Rakan Dialog yang menyumbang kepada kejayaan rantau ini.

"Kami amat menghargai usaha, sumbangan dan kerjasama Rakan Dialog yang tidak ternilai harganya. Anda semua memberi respons berkesan terhadap saranan agar Asean mencapai matlamat dan misinya bagi rantau ini," kata beliau.

Duta Besar Kemboja Kan Paridh menegaskan tentang pentingnya kerjasama dengan berkata: "Kami sedar dan tahu akan cabaran serta tugas yang menunggu kami, tapi kami yakin akan dapat mengatasinya serta membina Komuniti Asean menjelang 2015."

Bercakap bagi pihak Negara Rakan Dialog pula, Duta Besar Julian Wilson dari Kesatuan Eropah berkata: "Integrasi serantau adalah penting. Asean berjaya kerana ideanya yang baik.

"Sepuluh yang bersatu, mencapai lebih banyak daripada 10 yang tidak bersatu."

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=686598>